

MAHATHIR GARISKAN STRATEGI EKONOMI MALAYSIA
(EMBARGO: Untuk Sjaran Selepas Pukul 6 petang ini, 21 Sept)

Mahathir - Ekonomi (Embargo)
Daripada Abdul Rahman Sulaiman
I

LONDON, 21 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghuraikan empat jurusan dalam bidang ekonomi yang akan diberi penekanan oleh Malaysia dalam usahanya mencapai matlamat menjadi negara perindustrian.

Jurusan itu ialah:

- + memperluas dan memperkukuhkan asas industri negara;
- + menggalakkan lebih banyak industri dengan modal yang intensif dan berteknologi maju;
- + menggalakkan perkembangan industri pertengahan dan industri barangan modal; dan
- + menggalakkan hubungan industri antara syarikat-syarikat asing dan tempatan.

Dalam ucapan dasarnya kepada kira-kira 250 pemimpin industri dan perniagaan British pada satu seminar pelaburan anjuran Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) di sini, Perdana Menteri berkata asas industri yang luas diperlukan untuk mengekalkan kadar pertumbuhan perindustrian Malaysia dan daya saingnya dalam bidang itu.

Dalam hal ini, katanya, Malaysia akan berusaha meningkatkan kandungan nilai tokok bagi industrinya yang berasaskan sumber dan berusaha lebih jauh daripada sekadar mengeluarkan komponen asas dalam bidang elektronik. -- Lagi.

▼21/09/15-05MST

Mahathir - Ekonomi 2 London (Embargo)

Katanya, dengan adanya tenaga buruh yang mudah dilatih, berpendidikan dan rendah kosnya berbanding dengan di negara lain, serta kadar pengangguran sekitar lima peratus, kerajaan berpendapat negara sekarang sudah boleh berubah kepada industri yang tidak menggunakan buruh secara intensif dan industri berteknologi tinggi, yang menjanjikan nilai tokok dan produktiviti yang tinggi.

Lima bidang teknologi utama telah dikenal pasti untuk mewujudkan kecekapan dan memajukan bidang yang sesuai bagi industri dalam negeri, iaitu teknologi pengeluaran secara automatik, bahan-bahan maju, bio-teknologi, elektronik dan teknologi maklumat, katanya.

Mengenai pembangunan industri pertengahan dan industri barangan modal, Dr Mahathir berkata dengan perkembangan perindustrian yang pesat, keperluan Malaysia untuk perkara-perkara itu telah meningkat dengan banyaknya. Sebelum ini kebanyakannya diimport.

Untuk mengurangkan import bahan-bahan itu pada masa akan datang, kerajaan menggalakkan pembuatan jentera dan bahagian-bahagiannya, peralatan jentera dan industri kejuruteraan yang berkaitan.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga bimbang dengan kekurangan integrasi dalam sektor industri. Zon Perdagangan Bebas telah menjadi pusat pemprosesan bahan mentah dan separuh siap yang diimport. -- Lagi.

▼21/09/14-11MST
♦

CNS4800

R GB 21-09 00150 BA345

aab

Mahathir - Ekonomi 3 London (Embargo)

Oleh kerana itu, kata beliau, hubungannya dengan sektor dalam negeri terutamanya sektor kecil dan sederhana adalah sedikit.

Kerajaan sekarang berhasrat untuk menggalakkan hubungan industri yang dapat menyumbang ke arah peningkatan nilai tokok bagi industri dalam negeri.

Melalui cara ini, katanya, firma-firma kecil di Malaysia boleh mendapat faedah daripada pemindahan teknologi dan kemahiran, peningkatan mutu pengeluaran dan kemudahan pasaran.

Mengenai prestasi ekonomi Malaysia yang menggalakkan beberapa tahun lepas, Dr Mahathir memberitahu seminar itu bahawa pelaburan swasta dalam sektor perkilangan merupakan penggerak utama kejayaan itu.

Katanya, berikutan strategi agresif dengan didorong oleh sektor eksport, purata pertumbuhan sektor perkilangan ialah sebanyak 15.8 peratus setahun sepanjang tempoh 1988 hingga 1991.

Sumbangan sektor perkilangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah juga meningkat, daripada 24.3 peratus pada 1988 kepada 28.1 peratus pada 1991. -- Lagi.

▼21/09/14-14MST

CNS4802

R GB 21-09 00133 BA346

aab

Mahathir - Ekonomi 4 London (Embargo)

Katanya, prospek untuk tahun 1992 juga adalah sama menggalakkan dengan kadar pertumbuhan diramalkan sebanyak 14.5 peratus untuk sektor itu, yang akan merupakan kira-kira 30.2 peratus daripada KDNK.

Sektor perkilangan yang dijangka akan berkembang dengan kadar 10.5 peratus setahun untuk tempoh 10 tahun akan datang, dijangka meningkatkan sumbangannya kepada KDNK, menjadi 37.2 peratus menjelang tahun 2000.

Ini akan membuka jalan untuk menjadikan ekonomi Malaysia berasaskan industri, katanya.

Perdana Menteri berkata eksport barangan perkilangan dijangka merupakan kira-kira 81.8 peratus daripada keseluruhan eksport menjelang akhir dekad ini. Pada masa ini, kadarnya ialah 64 peratus.

Dr Mahathir berkata untuk mencapai hasrat perkembangan pesat sektor perkilangan dalam tahun 1990-an, pertumbuhan tinggi pelaburan dalam sektor itu perlu dikekalkan. -- Lagi.

▼21/09/14-15MST

CNS4803

R GB 21-09 00120 BA347

aab

Mahathir - Ekonomi 5 London (Embargo)

Untuk mencapai matlamat kadar pertumbuhan 11 peratus setahun dalam sektor ini untuk tempoh 1991 - 1995, jumlah pelaburan yang diperlukan dianggarkan sebanyak M\$80,000 juta.

Ini kira-kira 36.5 peratus lebih tinggi daripada pelaburan yang diluluskan sepanjang lima tahun lepas.

Daripada jumlah itu, M\$33,000 juta atau 41 peratus dijangka diperolehi daripada sumber-sumber asing manakala selebihnya daripada sumber dalam negeri.

Dr Mahathir berkata, oleh itu kerajaan Malaysia mengiktiraf peranan penting pelaburan secara terus dari luar negeri dalam mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Dalam hubungan ini, kerajaan berazam mewujudkan suasana yang akan menyediakan peluang-peluang untuk menambah pelaburan, pertumbuhan dan keuntungan bagi pelabur asing. -- Lagi.

▼21/09/14-16MST

R GB 21-09 00114 BA348

aab

Mahathir - Ekonomi 6 (Akhir) London (Embargo)

Katanya, usaha Malaysia menarik pelabur asing dalam sektor perkilangan telah agak berjaya.

Dalam tempoh empat tahun lepas, antara 1988 dan 1991, jumlah pelaburan asing yang diluluskan adalah M\$47,100 juta dan ini merupakan 60.7 peratus daripada jumlah keseluruhan modal pelaburan yang dicadangkan iaitu M\$77,600 juta dalam semua projek yang diluluskan dalam tempoh berkenaan.

Katanya, untuk tempoh Januari hingga Ogos tahun ini sahaja, pelaburan asing dalam projek perkilangan yang diluluskan berjumlah M\$13,230 juta.

Ini merupakan kira-kira 78.5 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan dalam semua sektor dan membuktikan betapa menariknya suasana perniagaan di Malaysia. -- Bernama.